ON TIN KHOON

lwn.

HU SEPANG & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[GUAMAN SIVIL NO. 22-151 OF 1990]
29 DISEMBER 1994

FITNAH *: Tuntutan untuk gantirugi, injunksi dan permintaan maaf - Libel yang terkandung dalam patung effigy dan poster-poster dan bentangan-bentangan kain - Slander yang terdapat dalam persidangan akhbar - Samada plaintif telah membuktikan bahawa perkataan yang digunakan oleh para defendan adalah memfitnahkan - Samada perkataan-perkataan memfitnah telah disiarkan - Samada perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada plaintif - Pembelaan justifikasi dan komen berpatutan - Samada telah dibuktikan.*

AMALAN & PROSEDUR *: Fitnah - Perkataan fitnah dalam Bahasa Mandrin - Diterjemahkan kedalam Bahasa Inggeris dan disahkan oleh jurubahasa Mahkamah - Penterjemahan tersebut disetujui oleh para defendan - Samada mematuhi kehendak A. 92 k. 1 dibaca bersama-sama dengan A. 78 k. 2 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Pertimbangan ss. 58 & 115 Akta Keterangan 1950.*

Ini adalah suatu tuntutan yang dibuat oleh plaintif terhadap ketiga-tiga orang defendan untuk gantirugi dan juga injunksi dan permintaan maaf dalam beberapa surat khabar dan kos bagi libel yang terkandung dalam patung effigy dan poster-poster dan bentangan-bentangan kain dan juga bagi slander yang terdapat dalam suatu persidangan akhbar.

Diputuskan:

[1] Adalah jelas dari keterangan yang dikemukakan bahawa sifat ungkapan-ungkapan adalah berkecenderongan membangkitkan perasaan buruk orang lain terhadap plaintif. Adalah jelas juga bahawa ungkapan-ungkapan tersebut berkecenderongan merendah-rendahkan plaintif pada pandangan ahli masyarakat yang waras. Makna biasa dan lazim ungkapan-ungkapan tersebut membawa erti bahawa plaintif adalah seorang yang tidak bermoral, tidak jujur, kaki pembohong, tidak bersyukur dan bersifat ganas dan jenayah. Dengan lain perkataan, ungkapan-ungkapan tersebut adalah memfitnahkan.

[2] Dalam menentukan samada perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada diri plaintif, perkataan-perkataan tersebut hendaklah diteliti secara menyeluruh. Dalam kes ini adalah jelas daripada keterangan, gambar-gambar dan dokumen yang dibentangkan bahawa ianya secara menyeluruh merujuk kepada diri plaintif. Adalah terang bahawa nama plaintif telah disebut berulangkali didalam ucapan yang dibuat oleh defendan pertama dan kedua dalam persidangan akhbarnya.

[3] Dapat dirumuskan daripada keterangan yang diberikan bahawa ketiga-tiga orang defendan telah bersama-sama merancang dan mengelolakan persidangan akhbar tersebut. Diteliti secara menyeluruh dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga orang defendan itu adalah bertanggungjawab pada keseluruhannya atas apa yang berlaku dalam persidangan akhbar dan demonstrasi tersebut. Mereka juga bertanggungjawab mengenai ucapan-ucapan yang disampaikan dan perkataan-perkataan yang digunakan dalam poster-poster dan bentangan-bentangan kain tersebut. Oleh yang demikian ketiga-tiga defendan adalah bertanggungjawab untuk fitnah.

[4] Tiada sebarang keterangan dikemukakan untuk menyangkal keterangan yang diberikan oleh plaintif. Adalah terletak atas bahu defendan ketiga untuk membuktikan pembelaan justifikasi dan komen berpatutan, akan tetapi, keterangan yang diberikannya adalah tidak relevan. Oleh yang demikian defendan ketiga gagal membuktikan pembelaan justifikasi dan komen berpatutan.

[5] Oleh kerana persetujuan kesemua pihak telah diperolehi atas penterjemahan perkataan-perkataan fitnah, sebelum ia dijadikan ekshibit, ss. 58 & 115 Akta Keterangan 1950 adalah terpakai dan hujah pihak defendan ketiga atas ketidakpatuhan A. 92 k. 1 adalah tidak berasas.

[Tuntutan plaintif dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:
Syed Husin Ali v. Syarikat Percetakan Utusan Melayu and Anor. [1973] 2 MLJ 56, 58 ***(dirujuk)***
J.B. Jeyaretnam v. Ghoh Chok Tong [1985] 1 MLJ 334, 336 ***(dirujuk)***
Eyre v. Garlick [1878] 42 JP 68 ***(dirujuk)***
Datuk Syed Kechik bin Syed Mohgamed v. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors. [1977] 1 MLJ 56 ***(dirujuk)***
Dato Musa bin Hitam v. S.H. Alattas & 2 Ors. [1991] CLJ 314 ***(dirujuk)***
Telekom Malaysia Brrhad v. Business Chinese Directory Sdn. Bhd. [1994] 2 CLJ 729 ***(dirujuk)***
Rassam v. Budge [1893] 1 QB 571 ***(dirujuk)***
International Times & Ors. v. Leong Ho Yeun [1980] 2 MLJ 86 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Keterangan 1950, ss. 58, 115, 161
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 78 k. 2, A. 92 k.1

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Gatley on Libel and Slander, 6th Edn., p. 4 para 4; 8th Edn., p. 224, 244, 1105, 1122

Bagi pihak plaintif - Tan Moh Huat; T/n Lee Boon Peng & Co.
Bagi pihak defendan pertama dan kedua - Karpal Singh (M. Manoharan bersamanya); T/n Karpal Singh & Co.
Bagi pihak defendan ketiga - Maniam Raju; T/n Gunaretnam & Co.

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Ini adalah suatu tuntutan yang dibuat oleh plaintif terhadap ketiga-tiga orang defendan untuk gantirugi dan juga injunksi dan permintaan maaf dalam beberapa surat khabar dan kos bagi fitnah (libel) yang terkandung dalam patung effigy (P1-1) dan poster-poster dan bentanganbentangan kain (Pl-2 hingga 9 & P3) dan juga bagi slander yang terdapat dalam suatu persidangan akhbar (P4, P5, P6 dan P7).

Pl(l) adalah sekeping gambar yang menunjukkan suatu patung effigy dengan nama plaintif dan wang-wang palsu dalam saku patung tersebut.

Pl(l) hingga (9) adalah gambar-gambar yang menunjukkan suatu kumpulan beramai-ramai dimana kelihatan para defendan bersama-sama orang-orang lain menjulang poster-poster dan bentangan-bentangan kain yang tertulis didalamnya perkataan-perkataan dalam bahasa Mandarin yang maknanya dalam Bahasa Inggeris seperti dalam P3.

P3 adalah seperti berikut: *a*

Black sheep of the Sin Chew Jit Poh.

Unfortunate for the Sin Chew Jit Poh.

Disgrace of the Sin Chew Jit Poh.

On Tin Khoon RM400 reporter. *b*

Spy reporter.

Black sheep of the news paper circles. No personality.

Where is his personality.

Sell his personality for RM400. Acted as a double-faced man. Not fit to become a reporter.

On Tin Khoon where is your personality. *c*

On Tin Khoon you have become prosperous $.

Black sheep, Black sheep, Big Black sheep.

We don't want to read reports by On Tin Khoon.

On Tin Khoon is a Black sheep of the news circle. *d*

Swindler reporter, spy reporter.

P4 adalah suatu persidangan akhbar dimana defendan pertama ditemuramah dalam bahasa Mandarin yang maknanya dalam bahasa Inggeris seperti dalam P5.

P5 adalah seperti berikut: *e*

Hu Sepang:

Further more, On Tin Khoon reports to MCA at 2.30 pm daily.

Proof?

You all can "quote" I said it.

If Sin Chew Jit Poh continues to use his articles, we shall boycott Sin Chew Jit Poh, not to read Sin Chew Jit Poh. (Turned and asked others) who want to change news papers? tell them (reporters). *f*

Do not under rate the knowledge of the readers.

The readers hope to see just reports.

Such twisted stand appears during the election time, where is the justice? *g*

Before the nomination, during the election, or after the results were announced, he keeps on writing.

The action we take today has no connection with the results of the election. The saying "3 foot ice set is not because of 1 day's cold". The DAP's party crisis that year was also due to the cause of On Tin Khoon. *h*

This was the so called Party Crisis said by On Tin Khoon.

The Sin Chew Jit Poh people were not called to come today for the sake of their safety.

It is afraid that if it goes out of control, the supporters here may beat people.

P6 adalah suatu persidangan akhbar dimana defendan kedua ditemuramah dalam bahasa Mandarin yang maknanya dalam bahasa Inggeris adalah seperti dalam P7. *i*

P7 adalah seperti berikut:

6.00 p.m. 24 Oktober 1990

Lee Kong Hing (The Chairman of the DAP Rasah parliamentary election committee).

The protest action today is pin-pointed upon the Sin Chew Jit Poh Chief Reporter for Negeri Sembilan, On Tin Khoon. His reports for the last two months were unsatisfactory to the DAP, the supporters and the residents. Upon their many requests, today we take this preliminary action in protest.

The protest action today is pin-pointed upon On Tin Khoon, but not Sin Chew Jit Poh. If twisted reports continue to appear and not conform to facts, the DAP will take further action.

We notice that a number of articles and reports by On Tin Khoon were not indifferent. Many things were unfounded, and were twisted from facts.

On Tin Khoon is not a reporter with proper personality. This is also unfortunate for Sin Chew Jit Poh.

We hope to read indifferent and just reports. The DAP does not expect them to take side and help but expect reports are based on facts and not twisted.

We request Sin Chew dit Poh to change their Seremban Chief Reporter.

We believe those who have read the special reports of On Tin Khoon will feel that they were out of tune.

When asked about the meaning of the slogan "RM400 reporter" Lee Kong Hing said: We heard many people say before the election, On Tin Khoon takes RM400 from Wong See Wah monthly to become his cultural fighter.

Where is the proof?

(After we have heard about the news, from the reports of On Tin Khoon published for the last 2 months, we found the facts were actually like this).

Hu Sepang at this time shown a copy of the Sin Chew Jit Poh and the title is ("Rasah Parliamentary Death Fight").

Half of those who took part today were non DAP members.

In fact, before this On Tin Khoon had "Committed Murder" on my personality. But I do not care for him. (In fact I have sent this article to the Court for translation).

Adalah suatu perkara pokok dalam saman fitnah bahawa si plaintif hendaklah membuktikan bahawa perkataan yang digunakan oleh para defendan itu adalah memfitnahkan dan perkataan-perkataan memfitnah itu pula telah disiarkan dan merujuk kepada diri plaintif sendiri.

Dalam kes ini Encik Leong Fook Nyen (SPl) seorang ketua wartawan China Press telah memberi keterangan bahawa beliau telah dihubungi oleh defendan pertama untuk menghadiri suatu persidangan akhbar dan demontrasi bertempat di Cawangan DAP Mambau dan beliau telah menghadirinya dan Encik Oh Tuang Seng (SP2) seorang jurugambar China Press telah mengambil beberapa keping gambar di tempat persidangan dan demonstrasi tersebut. Dalam keterangannya SP1telah berkata, "(bila ditunjukkan Pl(6)) defendan ketiga sedang mempamirkan poster yang bertulis "Blacksheep of Newspaper Circle. No personality", (bila ditunjukkan Pl(7)) defendan kedua sedang mempamirkan poster yang bertulis "On Thin Khoon perkataan tengah ditanda dengan RM400 reporter". Selepas itu mereka membakar patung dan surat khabar". Bila ditunjukkan dengan Pl(10) dengan soalan: Siapa yang angkat patung dan masukkan dalam api? SP1 menjawab, "Hu Sepang. Atas baju patung tersebut tertulis "On Tin Khoon"". Bila ditunjukkan dengan Pl(12) SP1 berkata, "Defendan pertama sedang pegang

sebatang kayu dan mengacau api". Bila ditunjukkan dengan Pl (8, 9, 11, 13, 15, 16 dan 17) SP1 berkata, "Ya, gambar-gambar itu menunjukkan keadaan pada masa itu. Selepas itu mereka semua masuk ke Dewan DAP mengadakan persidangan akhbar yang diketuai oleh Lee Kong Hing. Hu Sepang pun berada sama". Bila ditunjukkan Pl (18,19,20) SP1 menjawab, "Ya inilah orangnya. Lee Kong Hing. Ya Hu Sepang pun ada sama".

Dalam kes *Syed Husin Ali v. Syarikat Percetakan Utusan Melayu and Anor* [1973] 2 MLJ 56, 58, Mohamed Azmi HMP (pada masa itu HMT) telah memetik, "*Gatley on Libel and Slander*, 6th Edition at page 4, paragraph 4 says:

> There is no wholly satisfactory definition of a defamatory imputation. Any imputation which, may tend 'to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally, 'to cut him off from society,' or 'to expose him to hatred, contempt or ridicule' is defamatory of him. An imputation may be defamatory whether or not it is believed by those to whom it is published.

Dalam kes *J.B. Jevaretnam v. Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334, 336, Thean J telah menyatakan bahawa:

> Together with the ascertainment of the natural, and ordinary meaning of the words complained of to be considered is the question whether they were defamatory of the plaintif. The test here is whether the words were calculated to expose him to hatred, ridicule or contempt in the mind of a reasonable man or would "tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally". (per Lord Atkin in *Sim v. Stretch* [1936] 2 All E.R. 1237,1240).

Dalam kes ini plaintif adalah seorang Naib Ketua Wartawan Negeri Sembilan untuk surat khabar "Sin Chew Jit Poh". Melalui Pl (1-9), P3 dan keterangan SP1, plaintif telah dipanggil sebagai:

1. Black sheep of the Sin Chew Jit Poh
2. On Tin Khoon RM400 reporter
3. Spy Reporter
4. Black Sheep of the News Paper Circles. No personality.
5. Where is his personality
6. Sell his personality for RM400
7. Acted as double-faced man. Not fit to become a reporter.
8. On Tin Khoon is a Blacksheep of the News Circle.
9. Swindler reporter, spy reporter.

Adalah jelas disini bahawa sifat ungkapan-ungkapan diatas adalah berkecenderongan membangkitkan perasaan burok orang lain terhadap si plaintif. Adalah jelas juga bahawa ungkapan-ungkapan tersebut berkecenderongan merendah-rendahkan si plaintif pada pandangan ahli masyarakat yang waras. Makna biasa dan lazim ungkapan-ungkapan tersebut membawa erti bahawa si plaintif adalah seorang yang tidak bermoral, tidak jujur, kaki pembohong, tidak bersyukur (ingratitude) dan bersifat ganas dan jenayah. Dengan lain-lain perkataan ungkapan-ungkapan tersebut adalah memfitnahkan.

Dalam kes ini defendan pertama telah bertindak membakar sebuah patung (effigy) dengan nama plaintif tertera diatasnya. (Lihat Pl hingga 10). Bukan itu sahaja yang dilakukan keatas

patung tersebut malahan para defendan telah memperagakan patung tersebut dengan disumbat kepingan-kepingan wang palsu ke dalam semua saku patung tersebut. Telah diputuskan bahawa adalah suatu perbuatan memfitnah dalam kes *Evre v. Garlick* [1878] 42 J.P. 68 membakar seseorang dalam bentuk patung (lihat buku Bullen and Leake and Jacob's (12th Ed.) muka surat 6241 sementara dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed v. Datuk Yeh Pao Tzu & Ors.* [1977] 1 MLJ 56 Mahkamah telah memutuskan bahawa suatu "caricature" yang menunjukkan plaintif membawa satu beg yang penuh berisi wang dengan simbol $ yang ditulis atas tapak kaki plaintif adalah memfitnahkan. Dapat diperhatikan dalam kes ini bahawa sebahagian besar perkataan-perkataan yang digunakan oleh defendan pertama dan kedua telah dibuktikan. Dalam kes *Dato Musa bin Hitam v. S.H. Alattas & 2 Ors* [1991] CLJ 314 Mahkamah telah menyatakan:

> In short the test is whether under the circumstances in which the writing was published, reasonable men to whom the publication was made would be likely to understand it in a libellous sense. The test is objective and not subjective and the question is what do the words mean as words and not what the defendant in his own mind meant by them or intended to mean. Furthermore the fact that the person to whom the words were published might not believe them to be true is irrelevant and does not affect the right of action although it might affect the question of damages. See *Morgan v. Odhams Press Ltd.* [1971] 2 All ER 1156 @ 1168, 1169. The words must of course be considered in the context of the whole speech made by the defendant under the circumstances.

Dapat diperhatikan disini bahawa perkataan-perkataan dalam poster-poster dan bentangan-bentangan kain termasuk perkataan-perkataan yang dicakapkan oleh defendan pertama dan kedua itu mempunyai makna biasa dan lazim dipakai sebagai mempunyai makna berikut:

a. bahawa plaintif adalah seorang yang tidak jujur dan menerima wang dengan cara yang salah disisi undang-undang daripada Encik Wong See Wah untuk menulis laporan/berita yang baik mengenai MCA.

b. bahawa plaintif tidak layak menjadi seorang wartawan.

c. bahawa laporan yang dibuat oleh plaintif adalah palsu, berprasangka dan mengelirukan

Jadinya adalah jelas bahawa perkataan-perkataan itu memfitnahkan diri si plaintif.

Dalam menentukan samada perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada diri plaintif, perkataan-perkataan tersebut hendaklah diteliti secara menyeluroh. Dalam kes ini adalah jelas daripada keterangan, gambar-gambar dan dokumen yang dibentangkan bahawa ianya secara menyeluroh merujuk kepada diri plaintif. Adalah terang bahawa nama plaintif telah disebut berulangkali didalam ucapan yang dibuat oleh defendan pertama dan kedua dalam persidangan akhbarnya. Dan pada persidangan akhbar tersebut telah hadir beberapa orang wartawan iaitu Encik Koh See Peng, Encik Chong Kok Kiong, Encik Chew Seh Yong dan Encik Richard Lee Nee dan juga beberapa orang lain. Ini adalah keterangan yang diberikan oleh SP1.

Persidangan akhbar tersebut telah juga dilaporkan didalam surat-surat khabar Nanyang Siang Pau, Shin Min Jit Poh dan Thong Pau. Laporan dalam surat khabar Thong Pau telah dikemukakan melalui Encik Chan Kai Heng saksi tunggal defendan ketiga dan ianya ditanda P26 dan penterjemahannya ditanda P26T. *Gatley on Libel & Slander* 8th Ed. pada muka surat 224 menyatakan:

> Where defamatory matter already exists in permanent form, a person may publish it, not only by sending it out, if it is in words, but also by drawing the attention of others to it, and even by leaving it in a place where they can see it. He may in some cases publish it if he elects to leave it in a place over which he has control and in which it has been placed by another.

Dan di muka surat 244 Gatley menyatakan bahawa:

> All persons concerned in the commission of a joint tort are jointly and severally liable for all the damage caused by it. If one repeat, and another write a libel, and a third approve what is written they are all makers of it; for all persons who concur, and show their assent or approbation to do an unlawful act, are guilty. (*R v. Paine* [1696] 5 Mod. 167).

SP1 telah memberikan keterangan bahawa beliau telah dipanggil oleh defendan pertama untuk menghadiri suatu persidangan akhbar dimana wartawan-wartawan lain juga turut hadir.

Dapat diperhatikan bahawa:

(i) Ketiga-tiga orang defendan merupakan ketua-ketua aktif dan ternama parti DAP Negeri Sembilan. Defendan pertama Pengerusi DAP Negeri Sembilan, defendan kedua Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Cawangan DAP Rasah dan Defendan Ketiga Ahli Dewan Negeri Kawasan Mambau.

(ii) Persidangan akhbar tersebut diadakan di cawangan DAP Mambau di Rasah Seremban, kawasan defendan kedua dan ketiga.

(iii) Defendan pertama dan kedua memberi ucapan dalam persidangan akhbar itu.

(iv) Defendan ketiga juga turut mengambil bahagian (lihat Eksibit Pl (2) (3) (5) dan (6)

(v) Terdapat dalam Eksibit Pl(4) defendan pertama mengangkat tangan kanannya memberi arahan kepada penyokong-penyokongnnya untuk mengangkat tangan mereka dan mempamirkan poster-poster.

(vi) Terdapat bendera-bendera kecil DAP yang ditegakkan di kawasan persidangan tersebut.

(vii) Terdapat penyokong-penyokong mereka yang memakai kemeja DAP di kawasan tersebut (lihat Eksibit-Pl (8) dan Pl (9) .

(viii) Sebahagian besar perkataan-perkataan yang ada pada poster-poster yang dipamirkan adalah daripada sedutan ucapan defendan pertama dan kedua.

Dapat dirumuskan daripada perkara-perkara di atas bahawa ketiga-tiga orang defendan telah bersama-sama merancang dan mengelolakan persidangan akhbar tersebut. Samada secara langsung atau secara tidak langsung ketiga-tiga orang defendan itu telah bertanggungjawab mengadakan demonstrasi dan merelakan tindakan yang diambil oleh penyokong-penyokongnya dan penduduk kawasan tersebut sambil ketiga-tiga orang mereka bersama-sama mengambil bahagian secara aktif dalam demonstrasi tersebut. Ketiga-tiga orang defendan itu dengan berbuat demikian telah menunjukkan persetujuan dan pengesahan mereka dengan penyiaran perkataan-perkataan tersebut dan perbuatan dan tingkah laku yang ditunjukkan dalam demonstrasi tersebut. Diteliti secara menyeluruh dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga orang defendan itu adalah bertanggungjawab pada keseluruhannya apa yang berlaku dalam persidangan akhbar dan demonstrasi tersebut. Bukan sahaja mereka bertanggungjawab mengenai penyediaan demonstrasi dan pembakaran patung akan tetapi bertanggungjawab juga mengenai ucapan-ucapan yang disampaikan dan perkataan-perkataan yang digunakan dalam poster-poster dan bentangan-bentangan kain tersebut.

Dapat diperhatikan juga bahawa defendan pertama dan kedua tidak memberi keterangan di Mahkamah. Mereka juga tidak ada memanggil sebarang saksi untuk mencabar keterangan plaintif.

Atas alasan diatas saya memutuskan bahawa defendan pertama dan defendan kedua dan defendan ketiga adalah bertanggungjawab (liable). Kerana si plaintif telah berjaya dalam

tindakannya itu saya membenarkan injunksi seperti dipohon. Saya juga membenarkan permintaan maaf awam seperti dipohon. Besar dan saiznya, saya pulangkan kepada pihak-pihak untuk persetujuan. Melainkan persetujuan telah dicapai, saya akan mendengar perkara itu pada 9 Februari 1995.

Dengan itu saya memerintahkan sedemikian. Mengenai banyak gantirugi, saya pulangkan kepada pihak-pihak untuk persetujuan. Melainkan kalau persetujuan diperolehi oleh pihak-pihak saya akan mendengar isu itu pada 9 Februari 1995. Saya akan putuskan isu kos selepas mendengar isu quantum gantirugi.

Pihak defendan ketiga menghujahkan bahawa pliding pihak plaintif tidak mematuhi A. 92 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) dibaca bersama-sama dengan A 78 k. 2 KMT atas alasan bahawa tidak terdapat penterjemahan dalam bahasa Melayu perkataan-perkataan fitnah yang disebut dalam bahasa Mandarin. Dapat diperhatikan bahawa terdapat penterjemahan perkataan-perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris yang telah disahkan oleh jurubahasa Mahkamah dan dipersetujui oleh para defendan. Terjemahan-terjemahan tersebut dijadikan eksibit dan ditanda P3, P5 dan P7. Perkara ini tidak sepatutnya timbul sekarang oleh kerana persetujuan semua pihak dalam kes ini telah diperolehi terlebih dahulu dan dengan demikian s. 58 (Fakta-fakta yang diakui tidak perlu dibuktikan) dan s. 115 (Estoppel) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai. Walau bagaimanapun dapat diperhatikan bahawa A. 78 KMT (tuduhan kerana fitnah) tidak dipatuhi. Saya berpendapat pernyataan tuntutan si plaintif telah memberikan butir-butir yang cukup mengenai siaran yang berkenaan dengannya dan tuduhan itu dibawa untuk membolehkannya dikenalpasti. Berhubung dengan A. 92 KMT (dokumen hendaklah dalam bahasa kebangsaan) pula, saya berpendapat aturan itu juga telah dipatuhi oleh kerana pernyataan tuntutan dalam kes ini adalah di dalam bahasa kebangsaan; hanya penterjemahan perkataan-perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris dan perkara itu telah dipersetujui oleh semua pihak dalam tindakan ini. Kes Mahkamah Agung yang disandarkan oleh pihak defendan ketiga mengenai perkara itu adalah tidak relevan oleh kerana dalam kes *Telekom Malaysia Berhad v. Business Chinese Directory Sdn. Bhd.* [1994] 2 CLJ 729 itu bukan mengenai pliding atau penterjemahan dokumen hendaklah dalam bahasa kebangsaan akan tetapi yang membawa nahas kepada kes itu adalah:

> The learned Judge hearing the case cannot rely on the oral evidence of witnesses alone as to what the contents of the Directory are. It is true the primary function and duty of the learned Judge is to look at the Directory, and decide, if necessary with the help of experts in the Chinese language and writing, whether the Directory is in fact a telephone directory as defined by the law. In this case it was impossible for the learned Judge to come to any decision, by looking at the Directory, as he himself is unable to understand what it is.

Dapat diperhatikan bahawa nota yang digunakan oleh SP1 hanya dibenarkan untuk menyegarkan semula ingatannya (refresh his memory) semasa memberikan keterangan. Salinan buku nota itu telah diberikan kepada para defendan menurut s. 161 (Hak pihak lawan mengenai tulisan yang digunakan untuk menyegarkan ingatan) Akta Keterangan 1950 akan tetapi tiada sebarang pemeriksaan balas ke atas saksi tersebut mengenai tulisan tersebut dilakukan.

Dalam kes in defendan ketiga telah mengemukakan pembelaan justifikasi dan komen berpatutan secara alternatif. Pihak defendan ketiga telah mengemukakan Chan Kai Heng sebagai saksinya akan tetapi dalam Mahkamah Chan Kai Heng telah memberikan suatu keterangan yang tidak relevan apabila beliau menceritakan suatu peristiwa kutipan wang untuk balu seorang Tham Kok Kee (si mati) oleh Persatuan Wartawan-Wartawan China di mana plaintif merupakan setiausaha kesatuan tersebut. Adalah termesti bagi defendan ketiga “must justify the precise words set out int he statement of claim. He is not entitled to set out his own version of the

words and then plead that those words are true. (*Rassam v. Budge* [1893] 1 QB 571)" dan "The particulars of justification must be relevant to the issues; they must justify the precise charge made in the libel, and not some charge which falls short of it." (Lihat *Gatley on Libel and Slander*, 8th Ed. muka surat 1122 dan 1105).

Mengenai komen berpatutan pula defendan ketiga mengulas, "in giving particulars of the facts on which he relies in support of his plea of fair comment, must confine his particulars to such facts as are stated or referred to in the alleged libel, for facts which are not stated or incorporated by reference are inadmissible in evidence in support of the plea, and may, indeed, be struck out of the defence as irrelevant." (Lihat *Gatley on Libel & Slander* 8th Ed. muka surat 1131).

Dapat diperhatikan dalam kes ini bahawa tiada sebarang keterangan dikemukakan untuk menyangkal keterangan yang diberikan oleh plaintif. Adalah terletak diatas bahu pihak defendan ketiga untuk membuktikan pembelaan justifikasi dan komen berpatutan akan tetapi keterangan yang diberikannya adalah tidak relevan. Dalam kes *International Times & Ors. v. Leong Ho Yuen* [1980] 2 MLJ 86, Mahkamah memutuskan bahawa:

> The appellants in the present appeal relied on justification and fair comment. Therefore, the burden of proving these defences rests entirely upon them (*Gatley on Libel and Slander* 7th Edition paras, 351 and 354). The second sense referred to as onus of proof, on the other hand, relates to the responsibility of adducing evidence in order to discharge the burden of proof. The onus as opposed to burden is not stable and constantly shifts during the trial from one side to the other according to the scale of evidence and other preponderates. Such shifting is one continuous process in the evaluation of evidence. According to ss. 102 and 103 of the Evidence Act, if the party with whom this onus lies whether initially or subsequently as a result of its shifting does not give any or further evidence or gives evidence which is not sufficient, such party must fail.

Dalam kes ini keterangan yang dikemukakan oleh defendan ketiga adalah tidak relevan. Kerananya saya memutuskan bahawa defendan ketiga gagal membuktikan pembelaan justifikasi dan komen berpatutan.